MALAYSIA

LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN ISI RUMAH MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH PENTADBIRAN

HOUSEHOLD EXPENDITURE SURVEY REPORT BY STATE AND ADMINISTRATIVE DISTRICT

PERAK 2019

Pemakluman/*Announcement***:**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day 2020 adalah "*Connecting The World With Data We Can Trust*"

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20th October each year. MyStats Day 2020 theme is "Connecting The World With Data We Can Trust"

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh/*Published and printed by*:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram	:	StatsMalaysia
Emel / *Email*	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/*general enquiries*) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ *data request & enquiries*)
Harga / *Price*	:	RM30.00

Diterbitkan pada Julai 2020/*Published on July 2020*

Hakcipta terpelihara/*All rights reserved*.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics, Malaysia.”

ISSN 2716-571X

KATA PENGANTAR

Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran, Perak, 2019 yang julung kali disediakan ini membentangkan statistik perbelanjaan penggunaan isi rumah meliputi 12 Kumpulan Utama barangan dan perkhidmatan serta merupakan analisis secara terperinci kepada Survei Perbelanjaan Isi Rumah. Pengelasan Kumpulan Utama ini adalah berdasarkan *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)* yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (UNSD).* Statistik dalam laporan ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan *System of National Accounts 2008* oleh *United Nations* dan *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).*

Statistik ini digunakan terutamanya oleh agensi kerajaan sebagai input dalam perancangan, pembentukan dan pemantauan rancangan pembangunan negara. Statistik ini juga penting bagi tujuan pengemaskinian wajaran dan penentuan item dalam bakul barangan dan perkhidmatan bagi penyusunan Indeks Harga Pengguna Malaysia. Statistik ini boleh digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik serta individu lain bagi tujuan penyelidikan dan penganalisisan.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama, jadual statistik terperinci disediakan di bahagian kedua dan bahagian ketiga menerangkan aspek teknikal seperti konsep, definisi dan metodologi survei bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada semua pihak untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia
Julai 2020

PREFACE

The Household Expenditure Survey Report by State and Administrative District, Perak, 2019 is an inaugural report which provides statistics on household consumption expenditure encompassing 12 Main Groups of goods and services. It also provides detailed analysis of the Household Expenditure Survey. The classification of these Main Groups is based on the Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP) published by United Nations Statistics Division (UNSD). The statistics on expenditure published in this report are based on the concepts and guidelines of the System of National Accounts 2008 by United Nations and Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth, 2013 by Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Statistics from this report are primarily used by government agencies as an input in the planning, formulating and monitoring of national development plans. These statistics are also important for the purpose of updating the weights and to identify the items in the basket of goods and services for the compilation of the Consumer Price Index Malaysia. These statistics can be used by economists, academicians and other individuals for research and analysis purposes.

The report consists of three main parts. The first part displays main findings and summary of findings. The detailed statistical tables are provided in the second part. Meanwhile, the third part describes technical aspects such as concepts, definition and methodology of the survey to assist the users to understand the published statistics.

The Department of Statistics, Malaysia gratefully acknowledges the cooperation rendered by all parties who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestions towards improving the future publication is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
July 2020

KANDUNGAN
CONTENTS

	Muka Surat *Page*
Kata Pengantar *Preface*	**iii**
Kandungan *Contents*	**v**
Senarai Jadual *List of Tables*	**vii**
Ringkasan Penemuan *Summary of Findings*	**1**
Jadual Statistik *Statistical Tables*	
Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Ciri-ciri Demografi *Household Consumption Expenditure by Demographic Characteristics*	**29**
Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama Perbelanjaan *Household Consumption Expenditure by Main Group of Expenditure*	**37**
Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Perbelanjaan Terperinci *Household Consumption Expenditure by Detailed Expenditure Groups*	**51**
Statistik Terpilih Malaysia *Selected Statistics of Malaysia*	**69**
Ralat Piawai Relatif *Relative Standard Error*	**83**
Nota Teknikal *Technical Notes*	**89**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

Senarai Jadual

List of Tables

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

1 Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Ciri-ciri Demografi
Household Consumption Expenditure by Demographic Characteristics

1.1 **Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah dan strata, Perak, 2016 dan 2019** **31**
Median, mean and compounded annual growth rate of monthly household consumption expenditure by ethnic group of head of household and strata, Perak, 2016 and 2019

1.2 **Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah dan purata mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019** **31**
Median and mean of monthly household consumption expenditure by administrative district, Perak, 2019

1.3 **Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan dan strata, Perak, 2019** **32**
Mean monthly household consumption expenditure by monthly household income class and strata, Perak, 2019

1.4 **Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kelas pendapatan isi rumah bulanan dan daerah pentadbiran, Perak, 2019** **33**
Mean monthly household consumption expenditure by monthly household income class and administrative district, Perak, 2019

2 Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama Perbelanjaan
Household Consumption Expenditure by Main Group of Expenditure

2.1 **Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut jenis barang, Malaysia, 2019** **39**
Composition of monthly household consumption expenditure by types of goods, Malaysia, 2019

2.2 **Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut jenis barang, Perak, 2019** **39**
Composition of monthly household consumption expenditure by types of goods, Perak, 2019

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

2.3	**Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut strata, Malaysia, 2019** *Composition of monthly household consumption expenditure by strata, Malaysia, 2019*	**40**
2.4	**Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut strata, Perak, 2019** *Composition of monthly household consumption expenditure by strata, Perak, 2019*	**41**
2.5	**Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019** *Composition of monthly household consumption expenditure by administrative district, Perak, 2019*	**42**
2.6	**Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah, Perak, 2019** *Mean monthly household consumption expenditure by ethnic group of head of household, Perak, 2019*	**45**
2.7	**Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah, Perak, 2019** *Percentage of monthly household consumption expenditure by ethnic group of head of household, Perak, 2019*	**46**
2.8	**Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut saiz, Perak, 2019** *Mean monthly household consumption expenditure by size, Perak, 2019*	**47**
2.9	**Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut saiz, Perak, 2019** *Percentage of monthly household consumption expenditure by size, Perak, 2019*	**48**
2.10	**Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut kumpulan pendapatan isi rumah, Perak, 2019** *Composition of monthly household consumption expenditure by household income group, Perak, 2019*	**49**
2.11	**Siri masa komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan, Perak, 2004 - 2019** *Time series of composition of monthly household consumption expenditure, Perak, 2004 - 2019*	**50**

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

3 Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Perbelanjaan Terperinci
Household Consumption Expenditure by Detailed Expenditure Groups

3.1 **Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut subkumpulan perbelanjaan dan strata, Malaysia, 2019** **53**
Composition of monthly household consumption expenditure by subgroups of expenditure and strata, Malaysia, 2019

3.2 **Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut subkumpulan perbelanjaan dan strata, Perak, 2019** **61**
Composition of monthly household consumption expenditure by subgroups of expenditure and strata, Perak, 2019

4 Statistik Terpilih Malaysia
Selected Statistics of Malaysia

4.1 **Bilangan penduduk mengikut negeri, daerah pentadbiran dan kewarganegaraan, Malaysia, 2016 - 2019** **71**
Number of population by state, administrative district and citizenship, Malaysia, 2016 - 2019

4.2 **KDNK per kapita mengikut negeri, 2016 - 2018 pada harga semasa - Ringgit Malaysia** **74**
GDP per capita by state, 2016 - 2018 at current prices - Ringgit Malaysia

4.3 **Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut kumpulan utama, Malaysia, 2016 - 2019** **75**
Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by main groups, Malaysia, 2016 - 2019

4.4 **Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut negeri, Malaysia, 2016 - 2019** **76**
Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by state, Malaysia, 2016 - 2019

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

4.5 **Indeks Harga Pengguna (2010=100) dan perubahan peratus mengikut kumpulan utama, Perak, 2016 - 2019** **77**
Consumer Price Index (2010=100) and percentage change by main groups, Perak, 2016 - 2019

4.6 **Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut negeri dan daerah pentadbiran, Malaysia, 2016 dan 2019** **78**
Mean of monthly household gross income by state and administrative district, Malaysia, 2016 and 2019

4.7 **Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut negeri dan daerah pentadbiran, Malaysia, 2019** **81**
Mean monthly household consumption expenditure by state and administrative district, Malaysia, 2019

5 Ralat Piawai Relatif
Relative Standard Error

5.1 **Ralat piawai relatif bagi anggaran perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata dan komposisi perbelanjaan isi rumah mengikut strata, Perak, 2019** **85**
Relative standard error of estimate for mean monthly household consumption expenditure and the composition of household expenditure by strata, Perak, 2019

5.2 **Ralat piawai relatif bagi anggaran perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019** **88**
Relative standard error of estimate for mean monthly household consumption expenditure by administrative district, Perak, 2019

Ringkasan Penemuan


Summary of Findings

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


This page is deliberately left blank

PERBELANJAAN ISI RUMAH 2019
PERAK

Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Kumpulan Utama, 2019



Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata mengikut Daerah Pentadbiran, 2019



1 CAGR - Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (2016-2019)
Nota: Perbelanjaan purata berdasarkan kepada keseluruhan isi rumah

Sumber: Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dua Subkumpulan Tertinggi Perbelanjaan Bulanan Purata, 2019

Makanan & minuman bukan alkohol


Ikan segar **RM92**


Daging segar **RM72**

Minuman alkohol & tembakau


Tembakau **RM58**


Minuman keras/alkohol **RM23**

Pakaian & kasut


Pakaian **RM86**


Kasut & kasut lain **RM25**

Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain


Sewa **RM511**


Elektrik **RM113**

Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah


Perkhidmatan urusan rumah tangga **RM38**


Barangan isi rumah tidak tahan lama **RM37**

Kesihatan


Barang pengeluaran perubatan **RM47**


Perkhidmatan perubatan **RM17**

Pengangkutan


Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian **RM277**


Pembaikan & penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian **RM75**

Komunikasi


Perkhidmatan telefon & telefaks **RM153**



Peralatan telefon & telefaks **RM17**

Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan


Perkhidmatan kebudayaan **RM72**


Loteri dan perjudian lain **RM16**

Pendidikan


Pendidikan peringkat pra sekolah & sekolah rendah **RM19**


Pendidikan peringkat menengah **RM9**

Restoran & hotel


Perbelanjaan di restoran & kafe **RM464**



Perkhidmatan penginapan **RM38**


Pelbagai barangan & perkhidmatan


Perkakas lain, barang-barang & produk penjagaan diri **RM104**


Insurans untuk kenderaan bermotor **RM68**

Lima Barangan Popular mengikut Peratusan Tertinggi Isi Rumah Berbelanja, 2019






Makanan berasaskan mee/ pasta **95.7%**


Teh **90.6%**

Makanan di luar rumah


Nasi lemak **87.5%**



Roti canai/ capati/ puri **77.4%**


Minuman ringan tanpa gas **76.7%**


Nota: Perbelanjaan purata berdasarkan kepada keseluruhan isi rumah

HOUSEHOLD EXPENDITURE 2019
PERAK

Composition of Mean Monthly Household Consumption Expenditure by Main Group, 2019



Mean Monthly Household Consumption Expenditure by Administrative District, 2019



1 CAGR - Compounded Annual Growth Rate (2016-2019)
Note: Mean expenditure is based on total household

Source: Household Expenditure Survey Report 2019
Department of Statistics, Malaysia

Two Highest Subgroup of Mean Monthly Expenditure, 2019

Food & non-alcoholic beverages


Fresh fish **RM92**


Fresh meat **RM72**

Alcoholic beverages & tobacco


Tobacco **RM58**


Alcoholic beverages **RM23**

Clothing & footwear


Garments **RM86**


Shoes & other footwear **RM25**

Housing, water, electricity, gas & other fuels


Rent **RM511**


Electricity **RM113**

Furnishings, household equipment & routine household maintenance


Domestic services & household services **RM38**


Non-durables household goods **RM37**

Health


Pharmeutical products **RM47**


Medical services **RM17**

Transport


Fuels & lubricants for personal transport equipment **RM277**


Repair & maintenance of personal transport **RM75**

Communication


Telephone & telefax services **RM153**


Telephone & telefax equipment **RM17**

Recreation services & culture


Cultural services **RM72**


Lotteries and other gambling **RM16**

Education


Pre primary & primary education **RM19**


Secondary education **RM9**

Restaurants & hotels


Expenditure in restaurants & cafes **RM464**


Accommodation services **RM38**

Miscellaneous goods & services


Other appliances, articles & products for personal care **RM104**


Insurance for motor vehicle **RM68**

Top Five Items by Highest Percentage of Household Expenditure, 2019

Fresh vegetables

Choy sum **76.8%**



Big onions **73.7%**



Garlic **68.2%**



Carrots **62.1%**



Tomatoes **63.8%**



Fresh fish

Indian mackerel **70.4%**



Red snapper **33.7%**



Catfish **28.3%**



Threadfin bream **31.7%**



Hardtail scad **30.6%**



Food away from home


Food made from noodles/ pasta **95.7%**


Tea **90.6%**


Nasi lemak **87.5%**


Roti canai/ tosai/ puri **77.4%**


Soft drinks non-carbonated **76.7%**

Note: Mean expenditure is based on total household

A. PENGENALAN

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta merupakan komponen penting dan menjadi pemacu utama dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada 2019, perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai pendorong utama dari segi permintaan dengan sumbangan 58.7 peratus kepada KDNK. Pertumbuhan ini berlaku dalam konteks peningkatan penyertaan tenaga buruh, pendapatan boleh guna yang meningkat serta perbelanjaan penggunaan yang stabil. Perbelanjaan penggunaan secara tidak langsung mewujudkan permintaan dan seterusnya merancakkan ekonomi negara.

Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi perubahan dalam komposisi dan corak penggunaan isi rumah di Malaysia. Antaranya ialah tingkat pendapatan, harga barangan dan cita rasa. Oleh itu, pemahaman tentang gelagat pengguna memainkan peranan penting dalam pelaksanaan strategi yang berkesan untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan serta taraf hidup masyarakat.

Gelagat pengguna ini boleh difahami dan dikaji melalui survei yang dibuat khas berdasarkan perbelanjaan harian isi rumah. Dalam konteks ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) mengumpul data yang komprehensif berkaitan corak perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah.

B. LATAR BELAKANG SURVEI

Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 merupakan survei kali ke-15 setelah kali pertama dilaksanakan pada 1957/1958. Objektif utama pelaksanaan survei ini adalah untuk mendapatkan data komprehensif mengenai tingkat dan pola perbelanjaan pelbagai barangan & perkhidmatan. Sebelum tahun 2014, survei ini dijalankan setiap lima tahun dan kemudiannya disepadukan dengan Survei Pendapatan Isi Rumah dengan kekerapan dua kali setiap lima tahun. Sebagaimana Survei Pendapatan Isi Rumah, survei ini turut dilaksanakan secara saintifik dengan kaedah pensampelan berkebarangkalian. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan senarai isi rumah yang diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan yang dilaksanakan setiap sepuluh tahun. Senarai yang dikemaskini secara berterusan berdasarkan data pentadbiran ini menjadi asas kepada rangka isi rumah yang menyeluruh meliputi semua negeri mengikut lokaliti kawasan bandar dan luar bandar. Ianya membolehkan sampel yang dipilih lebih terperinci sehingga ke peringkat daerah pentadbiran serta dapat mewakili seluruh 8.0 juta populasi isi rumah.

Pada awal pelaksanaannya, kegunaan data adalah terhad kepada penyediaan wajaran bagi pembentukan Indeks Harga Pengguna dan kajian tentang pola perbelanjaan isi rumah dan penetapan. Namun begitu, seiring dengan perkembangan dan kemajuan

negara, maklumat berkaitan perbelanjaan semakin penting sebagai indikator makro dan mikro negara termasuklah pengukuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pendapatan garis kemiskinan, kos sara hidup dan kuasa beli pengguna.

C. KONSEP DAN KLASIFIKASI PERBELANJAAN ISI RUMAH

Statistik perbelanjaan digunakan oleh kerajaan dalam membentuk, memantau dan menilai kesan polisi ekonomi dan sosial seperti perubahan dasar fiskal, permintaan produk & perkhidmatan serta menjadi pelengkap kepada penyusunan akaun negara dalam konteks sektor isi rumah dalam negara. Oleh itu, adalah penting untuk menggunakan konsep dan definisi yang setara dengan saranan dan amalan antarabangsa. Rujukan yang diguna pakai pada masa ini adalah *System of National Account, United Nations*; *Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth* (2013), *Organisation for Economic Co-operation and Development*; dan *Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP), *United Nations*.

Terdapat tiga konsep utama perbelanjaan yang perlu difahami dalam menganalisis data perbelanjaan isi rumah iaitu perbelanjaan penggunaan isi rumah, perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah dan perbelanjaan semasa.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah merupakan perbelanjaan penggunaan persendirian bagi barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan[1]. Perbelanjaan ini merujuk kepada nilai barangan & perkhidmatan pengguna yang diperoleh, diguna atau dibayar oleh isi rumah melalui pembelian langsung, hasil pengeluaran sendiri, melalui pertukaran barangan & perkhidmatan atau pendapatan dalam bentuk mata benda untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahli isi rumah.

Sementara itu, perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah merujuk kepada pembayaran ke atas perkhidmatan kewangan dan lain-lain bayaran kepada negara bagi tujuan menambah hasil negara. Ini bermaksud, bayaran tersebut tidak mendapat pulangan atau faedah. Contoh perbelanjaan bukan penggunaan adalah pembayaran dalam bentuk pindahan seperti cukai pendapatan, caruman keselamatan sosial, bayaran pampasan, bayaran wajib & denda, pemberian kepada isi rumah lain dan pembayaran balik pinjaman seperti perumahan, kenderaan dan pelaburan. Jumlah bagi kedua-dua perbelanjaan ini membentuk perbelanjaan semasa isi rumah. Selain daripada ketiga-tiga konsep perbelanjaan ini, terdapat juga istilah penggunaan kolektif isi rumah yang biasanya berbentuk kemudahan dan perkhidmatan oleh kerajaan seperti keselamatan, pendidikan

[1] Tempoh pengumpulan data dilaksanakan selama 12 bulan bagi merekod gelagat pembelian sepanjang tahun termasuk musim perayaan pada bulan semasa dan 11 bulan yang lalu. Pada bulan semasa, segala perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah terpilih bermula pada hari pertama hingga hari terakhir bulan berkenaan akan direkodkan dalam diari harian. Manakala bagi tempoh kedua melibatkan barangan yang tidak kerap dibeli seperti barang tahan lama dan item terpilih yang telah dibeli oleh isi rumah sepanjang tempoh 11 bulan yang lalu.

dan kesihatan. Walau bagaimanapun, penggunaan ini tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah perbelanjaan isi rumah.

Bagi menentukan nilai perbelanjaan bagi sesuatu barangan & perkhidmatan pula, tiga pendekatan digunakan iaitu secara perolehan, penggunaan dan pembayaran. Perolehan merupakan nilai pembelian yang direkodkan pada masa barangan dan perkhidmatan diperoleh manakala kaedah penggunaan adalah bagi barangan tahan lama yang mempunyai jangka hayat yang panjang seperti perabot dan alat pertukangan. Kaedah ini juga digunakan dalam menilai penggunaan utiliti seperti air dan elektrik. Pendekatan pembayaran pula melibatkan bayaran pendahuluan bagi mendapatkan sesuatu barangan & perkhidmatan yang mana barangan & perkhidmatan tersebut belum diterima dalam bulan rujukan seperti bayaran yuran pendidikan dan perkhidmatan asuhan.

COICOP menyediakan panduan klasifikasi item barangan dan perkhidmatan berdasarkan 13 kumpulan perbelanjaan. Kumpulan perbelanjaan 01-12 merupakan item perbelanjaan penggunaan manakala kumpulan perbelanjaan 13 adalah merujuk kepada perbelanjaan bukan penggunaan seperti **Jadual 1**. Klasifikasi COICOP ini telah disesuaikan dengan item perbelanjaan isi rumah di Malaysia dan digunakan dalam pengumpulan dan analisis data.

Jadual 1: Kumpulan perbelanjaan COICOP

Kod	Kumpulan perbelanjaan
Perbelanjaan penggunaan	
01	Makanan & minuman bukan alkohol
02	Minuman alkohol & tembakau
03	Pakaian & kasut
04	Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain
05	Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah
06	Kesihatan
07	Pengangkutan
08	Komunikasi
09	Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan
10	Pendidikan
11	Restoran & hotel
12	Pelbagai barangan & perkhidmatan
Perbelanjaan bukan penggunaan	
13	Pelbagai perbelanjaan & perbelanjaan kewangan

D. PENEMUAN SURVEI

Analisis yang terkandung di dalam laporan ini dipaparkan mengikut segmen iaitu statistik perbelanjaan penggunaan isi rumah, corak perbelanjaan penggunaan isi rumah, barangan popular mengikut kumpulan utama terpilih dan penggunaan barangan harian terpilih.

1. STATISTIK PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan yang merujuk kepada bahagian pendapatan yang dibelanjakan untuk kegunaan persendirian ke atas barangan & perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi dalam negara. Perbelanjaan penggunaan yang tinggi menggambarkan kuasa beli isi rumah yang kukuh seterusnya menjamin kestabilan pembangunan masyarakat dan kepesatan ekonomi.

Pada 2019, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di Perak meningkat daripada RM3,233 pada 2016 kepada RM3,564 iaitu dengan kadar pertumbuhan 3.2 peratus setahun. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut strata menunjukkan perbelanjaan isi rumah di bandar meningkat 2.8 peratus setahun daripada RM3,444 (2016) kepada RM3,745 (2019) dan di luar bandar meningkat lebih tinggi pada kadar 3.8 peratus setahun daripada RM2,485 kepada RM2,788 bagi tempoh sama.

Perbelanjaan penggunaan per kapita bulanan purata mencapai RM1,146 iaitu meningkat 3.9 peratus daripada RM1,018 pada 2016. Perbelanjaan penggunaan per kapita dikira dengan membahagikan jumlah perbelanjaan isi rumah dengan saiz isi rumah (3.5 orang[2]). Sementara itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah pula adalah RM2,928 berbanding RM2,837 pada 2016.


1.1 PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

Corak perbelanjaan isi rumah boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor berdasarkan keutamaan keperluan sesebuah isi rumah. Lazimnya, kumpulan barangan keperluan asas mendominasi perbelanjaan isi rumah. Di Perak, keadaan sama berlaku di mana kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain; Makanan & minuman bukan alkohol; Restoran & hotel; dan Pengangkutan kekal menjadi empat kumpulan perbelanjaan tertinggi iaitu 67.7 peratus pada 2019 berbanding 67.8 peratus pada 2016. Kumpulan perbelanjaan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (20.7%) menjadi penyumbang tertinggi kepada keseluruhan perbelanjaan penggunaan, diikuti oleh Makanan & minuman bukan alkohol (19.6%); Restoran

[2] Termasuk warganegara dan bukan warganegara Malaysia

& hotel (14.1%); dan Pengangkutan (13.3%). Selain itu, perbelanjaan ke atas Restoran & hotel juga merupakan kombinasi barangan kegunaan dan pilihan. Komposisi Restoran & hotel meningkat 0.1 mata peratus pada 2019 berbanding 14.0 peratus pada 2016. Walau bagaimanapun, komposisi bagi Makanan & minuman bukan alkohol berkurang 0.6 mata peratus pada 2019 berbanding 20.2 peratus pada 2016. Empat kumpulan utama lain yang turut terdiri daripada barangan keperluan asas ialah Pakaian & kasut, Komunikasi, Kesihatan dan Pendidikan. Manakala, baki empat kumpulan lain terdiri sebahagian besarnya daripada barangan pilihan.

Paparan 1: Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut 12 kumpulan utama, Perak, 2019




1.2 CORAK PERBELANJAAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Kos sara hidup secara relatif berbeza antara negeri disebabkan wujud perbezaan harga barangan, tingkat pendapatan isi rumah dan kemampuan isi rumah untuk menampung kenaikan harga barang. Perbelanjaan isi rumah meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Di Perak, perbelanjaan purata meningkat 3.2 peratus selari dengan peningkatan pendapatan purata sebanyak 3.6 peratus. Perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut daerah pentadbiran di Perak merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Kinta dan terendah di daerah Kampar. Secara perbandingan, empat daerah pentadbiran mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri (RM3,564) iaitu Kinta (RM3,881), Kerian (RM3,751), Manjung (RM3,742) dan Larut & Matang (RM3,692). Manakala, daerah pentadbiran lain merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bawah paras negeri.

Kerian dan Larut & Matang merekodkan komposisi perbelanjaan makanan & minuman bukan alkohol yang dominan iaitu masing-masing 24.2 peratus. Sementara itu, Kampar mencatatkan komposisi tertinggi bagi perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (23.5%). Bagi kumpulan restoran & hotel pula, komposisi perbelanjaan tertinggi dicatatkan oleh daerah Kuala Kangsar. Isi rumah di semua daerah membelanjakan sekurang-kurangnya dua peratus untuk kumpulan kesihatan kecuali Hulu Perak (1.7%), Perak Tengah (1.7%) dan Muallim (1.4%).

Carta 1: Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2019



1.3 CORAK PERBELANJAAN MENGIKUT SAIZ ISI RUMAH

Saiz isi rumah merupakan salah satu elemen penting dalam menentukan tingkat perbelanjaan penggunaan di mana setiap isi rumah mempunyai saiz tersendiri. Corak perbelanjaan bagi setiap isi rumah ditentukan oleh keperluan ahli isi rumah masing-masing. Perbelanjaan penggunaan isi rumah meningkat selaras dengan pertambahan saiz isi rumah. Dapatan survei menunjukkan isi rumah perseorangan di Perak membuat perbelanjaan bulanan purata sebanyak RM1,659 berbanding isi rumah yang menanggung empat ahli dan lebih (RM4,542).

Umumnya, komposisi kumpulan Pakaian & kasut akan meningkat selaras dengan peningkatan saiz isi rumah. Isi rumah perseorangan memperuntukkan 2.6 peratus manakala isi rumah dengan ahli empat orang dan lebih sebanyak 3.9 peratus. Corak sama berlaku kepada perbelanjaan penggunaan bagi Pendidikan, Komunikasi dan Pelbagai barangan & perkhidmatan.

Namun begitu, walaupun isi rumah bersaiz besar berhadapan dengan perbelanjaan yang besar tetapi mereka masih dapat mengurangkan perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang dapat dikongsi bersama seperti perbelanjaan Perumahan, air, elektrik, gas bahan api lain. Dapatan menunjukkan isi rumah perseorangan berbelanja 30.6 peratus ke atas Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain. Namun, ia semakin berkurang kepada 25.3 peratus bagi isi rumah dua orang, 21.4 peratus bagi isi rumah tiga orang dan 18.2 peratus bagi isi rumah empat orang dan lebih.

Jadual 2: Peratusan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut saiz isi rumah, Perak, 2019


Kumpulan perbelanjaan	Saiz isi rumah (orang)				
	Satu	Dua	Tiga	Empat dan lebih	Jumlah
Makanan & minuman bukan alkohol	21.6	21.5	19.1	19.1	19.6
Minuman alkohol & tembakau	1.8	1.9	2.3	2.4	2.3
Pakaian & kasut	2.6	2.8	2.9	3.9	3.4
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	30.6	25.3	21.4	18.2	20.7
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	3.5	3.6	3.9	4.3	4.1
Kesihatan	3.4	3.1	2.4	2.4	2.6
Pengangkutan	8.0	11.4	15.3	13.6	13.3
Komunikasi	3.3	4.1	5.0	5.1	4.8
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	4.0	5.0	5.4	4.9	4.9
Pendidikan	0.1	0.3	0.7	1.6	1.1
Restoran & hotel	14.4	12.6	13.0	14.8	14.1
Pelbagai barangan & perkhidmatan	6.7	8.4	8.6	9.7	9.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

1.4 CORAK PERBELANJAAN MENGIKUT KUMPULAN UMUR

Perbelanjaan penggunaan isi rumah berbeza mengikut kumpulan umur. Ketua isi rumah dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM3,989 manakala bagi kumpulan umur 65 tahun dan ke atas merekodkan perbelanjaan penggunaan terendah iaitu RM2,613.

Perbelanjaan bagi isi rumah yang mempunyai ketua isi rumah berumur 65 tahun dan ke atas hanya berbelanja dengan purata RM2,613 sebulan. Isi rumah ini lebih menumpukan kepada perbelanjaan barangan keperluan seperti perumahan, makan di rumah dan juga kesihatan.

Carta 2 : Peratus perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut kumpulan umur ketua isi rumah, Perak, 2019



1.5 CORAK PERBELANJAAN MENGIKUT KUMPULAN ISI RUMAH

Di Perak, isi rumah[3] dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Terendah 40% (B40), Pertengahan 40% (M40) dan Tertinggi 20% (T20). Kumpulan isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,660. Isi rumah yang berpendapatan di antara RM3,660 hingga RM7,639 diklasifikasikan sebagai kumpulan isi rumah M40 manakala T20 adalah kumpulan isi rumah yang berpendapatan RM7,640 dan lebih.

Kumpulan B40 memperuntukkan 27.9 peratus perbelanjaannya ke atas perumahan, berbanding hanya 21.2 peratus dan 16.6 peratus masing-masing oleh M40 dan T20. Bagi perbelanjaan ke atas makanan juga menunjukkan komposisi bagi kumpulan B40 memperuntukkan lebih tinggi sebanyak 25.8 peratus berbanding 21.5 peratus oleh M40 dan hanya 14.9 peratus oleh T20. Sebaliknya bagi perbelanjaan pengangkutan, T20 mencatatkan komposisi tertinggi sebanyak 15.6 peratus. M40 dan B40 pula membelanjakan masing-masing 12.9 peratus dan 9.4 peratus ke atas pengangkutan.


Berbeza pula dengan perbelanjaan ke atas pakaian & kasut, di mana M40 merekodkan komposisi tertinggi iaitu 3.8 peratus sementara kumpulan T20 dan B40 membelanjakan masing-masing 3.3 peratus dan 3.2 peratus. Keadaan ini

[3] Merujuk kepada isi rumah Malaysia

menunjukkan pendapatan memainkan peranan penting dalam mencorakkan perbelanjaan keperluan asas isi rumah.

Senario yang sama dapat dilihat bagi perbelanjaan pendidikan yang mana kumpulan T20 memperuntukkan komposisi yang tinggi sebanyak 1.6 peratus. Kumpulan M40 memperuntukkan 1.0 peratus ke atas pendidikan. Manakala kumpulan B40 hanya memperuntukkan 0.6 peratus ke atas pendidikan.

Carta 3: Peratus perbelanjaan penggunaan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah, Perak, 2019



2. BARANGAN POPULAR MENGIKUT KUMPULAN UTAMA TERPILIH

Barangan popular merujuk kepada barangan dengan peratusan isi rumah yang berbelanja tertinggi dalam kumpulan utama terpilih. Populariti barangan ini disebabkan antaranya oleh barangan asas serta gaya hidup dan ketersediaan barangan tersebut. Empat kumpulan terpilih iaitu Makanan & minuman bukan alkohol; Pengangkutan; Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; dan Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan. Dari segi perincian, perbelanjaan kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol meliputi 422 item barangan keperluan asas yang


dikelaskan kepada 33 sub kumpulan antaranya beras, buah segar, ikan segar, sayur, roti dan tepung. Dapatan survei menunjukkan 95.9 peratus isi rumah berbelanja beras pada tahun 2019. Ini diikuti oleh gula putih (92.2%), roti (91.4%) dan ayam (87.6%).

Bagi kumpulan Pengangkutan pula, sebanyak 93.1 peratus isi rumah berbelanja ke atas bahan api kenderaan bermotor diikuti oleh servis kereta/motosikal (78.4%), bayaran meletak kenderaan (35.7%) dan mencuci/menggilap kereta (26.8%).

Kumpulan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah yang lebih bersifat pilihan pengguna pula mempunyai nilai populariti yang lebih rendah berbanding barang keperluan asas. Dalam kumpulan ini, sebanyak 85.5 peratus isi rumah berbelanja ke atas sabun pencuci pakaian. Tuala adalah barangan popular kedua tertinggi di mana sebanyak 28.2 peratus isi rumah berbelanja item ini pada tahun 2019. Dua lagi barangan popular adalah penyembur racun serangga (27.6%) dan permaidani (26.9%).

Seterusnya, bagi kumpulan Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan, sebanyak 42.7 peratus isi rumah membuat perbelanjaan ke atas surat khabar diikuti 40.8 peratus berbelanja ke atas siaran TV berbayar. Sebanyak 33.3 peratus berbelanja ke atas tiket panggung wayang dan 25.6 peratus ke atas barangan keagamaan bukan Muslim.

Paparan 2: Barangan popular bagi kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol; Pengangkutan; Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; dan Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan



3. PENGGUNAAN BARANGAN HARIAN TERPILIH

Barang harian terpilih merangkumi barang basah dan kering di mana membabitkan barangan kawalan seperti beras, minyak masak, gula dan susu. Analisis dibuat bagi penggunaan barangan harian terpilih dari segi kuantiti dan kos. Dapatan menunjukkan beras merupakan item yang paling tinggi dibelanjakan oleh isi rumah iaitu sebanyak 95.9 peratus. Kuantiti purata yang dibelanjakan adalah 13.6 kg bagi setiap isi rumah dengan kos sebanyak RM34.89. Gula putih dan ayam juga merupakan item yang tinggi dibelanjakan oleh isi rumah dengan anggaran masing-masing 2.3 kg (RM6.61 sebulan) dan 6.3 kg (RM49.52 sebulan). **Jadual 3** menunjukkan 17 barangan harian terpilih berserta kuantiti dan kos sebulan.

Jadual 3: Kuantiti dan kos barangan harian terpilih setiap isi rumah, Perak, 2019

Bil.	Barangan	Isi rumah berbelanja (%)	Harga purata (RM)	Unit	Kuantiti penggunaan	Kos sebulan (RM)
1	Beras	95.9	2.57	kg	13.6	34.89
2	Gula putih	92.2	2.85	kg	2.3	6.61
3	Ayam	87.6	7.84	kg	6.3	49.52
4	Minyak masak	87.3	4.54	kg	3.7	16.62
5	Telur ayam	86.8	0.37	biji	36.8	13.64
6	Sawi	76.8	7.21	kg	0.8	5.69
7	Susu pekat manis	74.2	2.81	tin	2.6	7.38
8	Bawang besar	73.7	3.25	kg	1.8	5.74
9	Ikan kembong	70.4	15.19	kg	1.6	23.68
10	Tepung gandum	66.3	2.39	kg	1.7	3.99
11	Udang	56.5	28.65	kg	1.1	32.25
12	Kubis bulat	53.3	3.88	kg	1.6	6.11
13	Sotong	52.5	24.87	kg	0.9	23.08
14	Santan segar	50.6	10.42	kg	0.7	7.65
15	Pisang	42.6	4.52	kg	1.8	8.03
16	Daging lembu	38.8	30.84	kg	1.1	33.16
17	Epal	35.5	1.07	biji	10.2	10.93

A. INTRODUCTION

Private final consumption expenditure is an important component and a key driver of Malaysia's economic growth. In 2019, private final consumption expenditure remained the major driver of demand with 58.7 per cent contribution to GDP. This growth occurred in the context of increasing labour force participation, rising disposable income and stable consumption expenditure. Consumption expenditure has indirectly created demand and thus stimulated the country's economy.

There are many factors that can influence changes in the composition and patterns of household consumption in Malaysia. Among them are income levels, price of goods and preferences. Therefore, understanding consumer behavior plays an important role in the implementation of effective strategies to achieve national economic growth goals and improve the well-being and standard of living of the people.

Consumer behaviour can be studied and comprehended through surveys specifically tailor-made based on household daily expenditure. In this context, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) through the Household Expenditure Survey (HES) collects comprehensive data on household expenditure patterns.

B. SURVEY BACKGROUND

Household Expenditure Survey 2019 is the 15th round of the survey since it was first implemented in 1957/1958. The main objective of this survey is to obtain comprehensive data on the level and patterns of expenditure of various goods & services. Implementation of the survey can measure and evaluate changes in household expenditure patterns in Malaysia. Prior to 2014, the survey was conducted every five years and was then integrated with the Household Income Survey twice every five years. Similar to the Household Income Survey, this survey is scientifically conducted with probability sampling methods. The sample selected is based on the list of households obtained from the Population and Housing Census which is conducted every ten years. The household list which is constantly updated based on administrative data forms the basis of a comprehensive household framework covering all states by urban and rural locality. It allows the selected sample to be more comprehensive up to the administrative district level and represents the entire 8.0 million household populations.

At the early stage of its implementation, the use of data was limited to providing a basis for the formation of Consumer Price Index and studies on household expenditure patterns. However, as the country progresses and develops, information on expenditure becomes increasingly important at par with macro and micro indicators of the country including measures of Gross Domestic Product (GDP), poverty line income, cost of living and consumer purchasing power.

C. CONCEPTS AND CLASSIFICATIONS OF HOUSEHOLD EXPENDITURE

Statistics on expenditure are used by the government in formulating, monitoring and evaluating the impact of economic and social policies such as fiscal policy changes, demand for products & services as well as the compilation of national account in the context of the domestic household sector. Therefore, it is important to apply concepts and definitions that are in line with international recommendations and practices. The current references used in conducting this survey are System of National Account, United Nations; Framework for Statistics on the Distribution of Household Income, Consumption and Wealth (2013); Organization for Economic Co-operation and Development; and the Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP), United Nations.

There are three basic expenditure concepts that need to be understood in analysing the household expenditure data namely household consumption expenditure, household non-consumption expenditure and current expenditure.

